

PM, tolong jangan sambung kontrak Dawama, rayu Pencetak DBP

Free Malaysia Today

28 February 2013

Oleh Jamilah Kamarudin

KUALA LUMPUR: Persatuan Pengusaha Percetakan Melayu Malaysia (PPPMM) menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak agar tidak lagi menyambung konsesi kontrak percetakan, pemasaran dan pengedaran buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara monopoli kepada pengurusan Dawama Sdn Bhd.

Presiden PPPMM Datuk Badruddin Abu Bakar berkata, tempoh konsesi Dawama tidak lagi wajar disambung kerana syarikat itu tidak mendatangkan manfaat kepada perkembangan ekonomi Melayu khususnya dalam bidang percetakan pemasaran dan pengedaran.

Konsesi Dawama akan tamat tempoh pada 30 Ogos depan, tetapi Badruddin berkata pihaknya dimaklumkan kerajaan berhasrat menyambung semula kontrak lantikan dan ini dibantah PPPMM serta Persatuan Pengedar Buku DBP dan Persatuan Syarikat Pengangkutan Buku DBP.

“Sebagai menyokong Dasar Penswataan negara, Dawama diwujudkan dengan tujuan meningkatkan ekuiti bumiputera sebanyak 30% .

“Amat dukacita sekali apabila sepanjang tempoh hampir 12 tahun (2002-2014) Dawama menerajui konsesi, tidak berlaku sebarang peningkatan malah beberapa syarikat percetakan yang dulunya menjadi kebanggaan kerajaan mengalami kerugian bahkan ada yang ditutup,” katanya.

Beliau berkata pihaknya mahu kerja-kerja percetakan buku DBP diserahkan kembali kepada pengusaha percetakan pengedaran dan pengangkutan orang Melayu atau diuruskan secara konsortium percetakan, pengedaran dan pengangkutan (K3P).

Pihaknya juga mencadangkan beberapa langkah alternatif bagi mengelakkan berlakunya monopoli, iaitu dengan mengembalikan penyambungan konsesi tersebut kepada DBP semula, urusan percetakan diambil alih DBP manakala urusan pekerja disalurkan kepada K3P.

Selain itu, PPPMM juga mahu DBP dijadikan badan korporat dengan menubuhkan syarikat yang diperbadankan dibawah Kementerian Kewangan.

“Dengan sokongan padu dariapda persatuan dan badan tidak berkepentingan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) kami mengambil tanggungawab penuh cadangan diatas dan yakin era kegemilangan usahawam melayu akan dapat dikembalikan,” katanya.

Dawama merupakan syarikat lantikan kerajaan dan diberi konsesi dibawah DBP untuk mengambil kerja percetakan pemasaran dan pengedaran buku sejak 1 September 2002.

Malangnya, pemonopolian Dawama menyingkirkan syarikat bumiputera sedia ada untuk bersaing secara sihat malah banyak usahawan yang terpaksa gulung tikar.

Kewujudan Dawama didakwa ada kaitan dengan kepentingan individu tertentu kerana syarikat ini didapati tidak mempunyai kepakaran dalam industri tersebut.

Pada akhir 2010, Dawama gagal menjalankan kerja-kerja percetakan buku teks Kementerian Pendidikan yang diperuntukkan DBP dan gagal mengurus tadbir projek yang bernilai RM120 juta setahun.

Pada November 2012, Dawama masih gagal membayar hutang kepada pengusaha Melayu dan akhirnya bayaran tunggakan tersebut terpaksa ditanggung DBP.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/02/28/pm-tolong-jangan-sambung-kontrak-dawama-rayu-pencetak-dbp/>